

Mahathir ambilalih jawatan Ketua Perhubungan UMNO Melaka

Ghani Ali

12 SEP 1977

kekalkan KM

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Ahad — Majlis Tertinggi UMNO yang bersidang hampir enam jam di Seri Taman malam tadi mengambil keputusan mengekalkan Haji Abdul Ghani Ali sebagai Ketua Menteri Melaka, tetapi menggantung kedudukannya selaku Ketua Perhubungan UMNO Negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengambilalih tugas sebagai Ketua baru Badan Perhubungan UMNO Melaka itu sehingga suatu masa yang akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi.

Mesyuarat itu juga mengambil keputusan menggantung keempat-empat Bahagian UMNO Negeri itu — Bahagian Jasin, Batu Berendam, Kota Melaka dan Alor Gajah. Semua jawatan Ketua bahagian berkenaan juga digantung.

Demikian diumumkan oleh Perdana Menteri merangkap Pemangku Presiden UMNO Malaysia, Datuk Hussein Onn, kepada para pemberita dalam satu sidang akhbar di Seri Taman, di sini tengahari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Senu Abdul Rahman dan Setiausaha Kerja UMNO, Encik Adib Haji Adam.

Datuk Hussein menyatakan, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO malam tadi sebagai mesyuarat biasa, dan antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah masalah Negeri Melaka.



DATUK Hussein Onn sedang meneliti kenyataan mengenai keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di dalam sidang akhbar di Seri Taman semalam dan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di sebelahnya. — Gambar oleh Wan Hamid.

Berendam), Datuk Seri Haji Kamaruddin Mohd. Isa (Kota Melaka) dan Datuk Haji Othman Abdullah (Alor Gajah).

Terlibat

Datuk Hussein berkata, Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Negeri tidak terlibat dengan penggantungan itu.

Perdana Menteri memberitahu, beliau akan menemu 11 orang ahli Dewan Undangan Negeri Melaka yang terlibat dengan krisis politik negeri itu sebelum berlepas ke Amerika Syarikat pada 18 September ini.

Bagaimanapun, beliau tidak pula menerangkan lebih lanjut tujuan pertemuan itu.

Ditanya, adakah perlantikan Dato Seri Dr. Mahathir sebagai Ketua Perhubungan UMNO Negeri Melaka itu bererti Badan Perhubungan itu turut digantung, Datuk Hussein Onn meminta Dr. Mahathir sendiri menjelaskannya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "setelah Majlis Tertinggi memutuskan penggantungan empat bahagian itu dan ketua-ketua bahagian berkenaan diganti, ini bererti tidak ada perwakilan dari bahagian-bahagian itu di dalam jawatankuasa perhubungan selain dari pengerusi-pengerusi Ja-

Katanya, Majlis Tertinggi telah menimbangkan laporan dan cadangan Jawatankuasa Penyiasat yang dipengerusikan oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menyatakan lagi, setelah laporan dan cadangan itu dibincangkan dengan mendalam Majlis Tertinggi mengambil keputusan berikut:

(a) Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil Jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Melaka.

(b) Ketua Menteri, Ahli-ahli Kerja Negeri (EXCO) dan lain-lain ahli Dewan Undangan Negeri dari UMNO akan terus menjalankan tugas masing-masing sebagai anggota Kerajaan Barisan Nasional Melaka.

(c) Keempat-empat Bahagian UMNO digantung dan tiap-tiap bahagian itu akan ditadbirkan oleh sebuah Ja-

Cuma satu masalah — bukannya krisis kata Datuk Hussein

watankuasa Pentadbir yang dipengerusikan oleh Wakil Majlis Tertinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir

akan melantik ahli-ahli jawatankuasanya dari ahli-ahli Bahagian mengikut budibearanya serta nasihat daripada Majlis Tertinggi.

(d) Ketetapan-ketetapan (a), (b) dan (c) di atas akan terus berkuatkuasa sehingga kepada suatu masa yang akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi.

(e) Jawatankuasa Perhubungan akan menentukan pendirian UMNO terhadap semua issue-issue yang berkaitan.

Datuk Hussein mengumumkan perlintakan empat orang Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir Bahagian-bahagian UMNO di Negeri Melaka.

Mercka ialah Datuk Haji Mustapha Jabar Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir Bahagian Jasin, Datuk Ali Haji Ahmad (Batu

watankuasa Pentadbir yang terdiri dari orang-orang asing.

"Kita juga akan melantik orang-orang dari bahagian itu sendiri untuk menduduki dalam Perhubungan Negeri mewakili ahli-ahli di bahagian-bahagian berkenaan," tambah beliau.

Datuk Hussein menyatakan lagi, perbincangan Majlis Tertinggi dalam perkara masalah Negeri Melaka itu malam tadi "terus pergi kepada soal pokok".

Datuk Hussein menjelaskan, pergolakan yang berlaku di Negeri Melaka itu bukan krisis; ia satu masalah sahaja.

Kepada satu pertanyaan lain, beliau menyatakan, "kita tidak membuat peraturan meliputi semua masa dalam usaha mengelakkan sebarang masalah seperti ini berlaku."